

# Utusan Malaysia - Malaysia Ke-4 Tadbir Urus Korporat Terbaik Asia

---

📅 Isnin, Dis 17 2018

# Malaysia ke-4 tadbir urus korporat terbaik Asia

Utusan Malaysia 15/12/18

Oleh **AZMAN IBRAHIM**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUALA LUMPUR 14 DIS.**

**L**APORAN Tadbir Urus Korporat 2018 menunjukkan Malaysia mencapai peningkatan tertinggi dalam amalan tadbir urus korporat iaitu daripada tempat ketujuh pada 2016 kepada tempat keempat tahun ini, di belakang Australia, Hong Kong dan Singapura.

Laporan itu merupakan hasil kaji selidik dwitahunan Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dan kumpulan pelaburan, CLSA Ltd. (CLSA) yang meliputi 12 buah negara Asia termasuk Australia.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Syed Zaid Albar berkata, pengiktirafan itu memberi dorongan kepada pihaknya untuk meningkatkan tadbir urus korporat yang juga hasil daripada usaha kolektif pelbagai pihak berkepentingan.



**SYED ZAID ALBAR**

“Tadbir urus korporat akan terus menjadi tema utama dan kepentingan agenda pengawalseliaan SC bagi memastikan pasaran modal Malaysia sentiasa diiktiraf dalam usaha meningkatkan piawaian integriti dan kelakuan yang baik,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Malaysia berjaya mencapai tahap purata atas purata serantau dalam beberapa bidang termasuk penguatkuasaan

tegas dalam pendedahan korporat dan tadbir urus serta pengawalseliaan.

Skor bagi Malaysia berada pada tahap yang tertinggi (bersamaan dengan Australia) untuk kualiti juruaudit dan kawal selia audit berbanding pasaran lain.

Dalam pada itu, SC dalam kenyataan memberitahu, laporan itu telah mengiktiraf pihak pengawal selia yang telah mengambil langkah konsisten dalam mempromosikan pembaharuan tadbir urus syarikat dan korporat.

Jelas kenyataan itu lagi, laporan berkenaan juga memperakui penggunaan pendekatan inovatif untuk meningkatkan tadbir urus korporat seperti pengenalan undi dua peringkat untuk pelantikan semula pengarah bebas yang telah berkhidmat selama 12 tahun atau lebih melalui Kod Tadbir Urus Malaysia (MCCG).